

PELAN SERBA LENGKAP UNTUK **GAYA HIDUP** SEHARIAN ANDA



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)

Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Memperkenalkan insurans yang serasi dengan gaya hidup urban anda. Dengan Pelan Serba Lengkap Allianz Lifestyle Protect, kami melindungi anda, sambil anda menikmati kehidupan sepenuhnya!

APAKAH KEBIMBANGAN UTAMA RAKYAT MALAYSIA?



86%
berpendapat
KOS SARA HIDUP
telah meningkat

Inflasi setiap tahun telah menjadikan harga hartanah tidak mampu dimiliki, malah harga barangan keperluan menjadi lebih mahal.

73%
berwaspada
terhadap
ISU SOSIAL

Disebabkan kadar pengangguran yang kian meningkat, kejadian penipuan dan penyelewengan juga semakin bertambah.

74%
bimbang kehilangan
SUMBER PENDAPATAN

Jika anda diberhentikan kerja, anda mungkin kehilangan rumah, kereta dan gaya hidup yang anda nikmati selama ini.

72%
bimbang menjadi mangsa
JENAYAH

Anda boleh menjadi mangsa jenayah jalanan seperti ragut pada bila-bila masa, terutamanya di kawasan bandar.

Sumber: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/11/29/study-malaysians-are-a-worried-lot>

Sediakan payung sebelum hujan. Lindungi diri anda sekarang daripada risiko kehidupan seharian dengan Pelan Serba Lengkap Allianz Lifestyle Protect yang menyediakan **manfaat utama** berikut:

-  **Ragut atau Percubaan Meragut**
-  **Perlindungan Peranti Pintar**
-  **Perlindungan Pembelian Atas Talian**
-  **Indemniti Kad Kredit dan Pinjaman**
-  **Terlepas Acara**
-  **Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup**
-  **Perbelanjaan Rehabilitasi**
-  **Gangguan Pembelajaran (Pilihan)**

PENERANGAN MANFAAT-MANFAAT

GAYA HIDUP & KEHIDUPAN



Ragut atau Percubaan Meragut

Pembayaran sekaligus akibat ragut atau percubaan meragut.



Perlindungan Pembelian Atas Talian

Pampasan harga pembelian untuk kerugian barangan yang dibeli dari laman web/aplikasi palsu atau tiada penghantaran barangan yang dibeli.



Indemniti Kad Kredit dan Pinjaman

Membayar amaun yang perlu dibayar oleh Orang Yang Diinsuranskan untuk kad kredit, sewa beli, gadai janji atau pinjaman peribadi sekiranya beliau dimasukkan ke hospital akibat Kemalangan.



Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup

Membayar balik kos modifikasi rumah dan/atau kenderaan Orang Yang Diinsuranskan sekiranya faedah Hilang Upaya Kekal berbayar sebanyak lima puluh peratus (50%) dan lebih.



Perlindungan Peranti Pintar

Pampasan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan Peranti Pintar Orang Yang Diinsuranskan akibat pecah masuk atau kejadian ragut atau percubaan meragut.



Terlepas Acara

Membayar balik kos tiket/yuran bayaran pendaftaran Orang Yang Diinsuranskan bagi konsert, filem, taman tema, taman hiburan, acara sukan sekiranya faedah Pendapatan Hospital berbayar di bawah polisi.



Kehilangan Peralatan Sukan

Pampasan kepada Orang Yang Diinsuranskan untuk kehilangan peralatan sukan akibat pecah masuk atau ragut atau percubaan meragut.



Perkhidmatan Pengemasan

Membayar balik kos perkhidmatan pembantu rumah bagi Orang Yang Diinsuranskan selepas keluar dari hospital.



MANFAAT PILIHAN

Gangguan Pembelajaran

Membayar balik yuran satu (1) semester jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital atau penaja meninggal dunia akibat Kemalangan dan kos pengangkutan untuk pulang ke rumah untuk melawat ahli keluarga terdekat yang dimasukkan ke hospital atau meninggal dunia akibat Kemalangan.

PENJAGAAN & KESEJAHTERAAN



Hilang Upaya Kekal

Membayar Jumlah Yang Diinsuranskan sekiranya berlaku hilang upaya kekal akibat Kemalangan.



Pendapatan Hospital

Faedah harian jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital akibat Kemalangan.



Perbelanjaan Pengebumian

Pembayaran sekaligus sekiranya Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia akibat Kemalangan atau Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19).



Penjagaan Kejururawatan

Membayar balik kos penjagaan kejururawatan yang ditanggung selepas keluar hospital akibat Kemalangan.



Perbelanjaan Rehabilitasi

Membayar balik kos rundingan dan rawatan perubatan yang ditanggung selepas keluar hospital sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan rehabilitasi akibat Kemalangan.

FAEDAH TAMBAH NILAI



Tanggung Rugi Berganda Dalam Kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor

Jika Orang Yang Diinsuranskan lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah atau hilang kegunaan kekal dua (2) atau lebih anggota tangan atau kaki akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor, faedah ini bersama Bonus Pembaharuan (jika ada) akan digandakan.



Bonus Pembaharuan

Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan akan bertambah sebanyak 10% setahun sehingga 100% dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah Hilang Upaya Kekal dan Tanggung Rugi Berganda Dalam Kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor.

Sila rujuk kepada Polisi untuk Terma dan Syarat penuh.

(i) JADUAL FAEDAH & PREMIUM

Faedah	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
Hilang Upaya Kekal (sehingga/dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh kerugian/kemalangan). Berdasarkan peratus Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Skala Faedah.	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
Pendapatan Hospital (sehari/maksima. seratus lapan puluh hari (180) hari) Tertakluk kepada (i) Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital lebih dua belas (12) jam); (ii) Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh kerugian/kemalangan.	100	200	300	400	500
Perbelanjaan Pengebumian (bayaran sekaligus) Sekiranya berlaku kematian akibat Kemalangan atau Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19).	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
Ragut atau Percubaan Meragut (bayaran sekaligus) Tertakluk kepada laporan polis dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian.	300	350	400	450	500
Tanggung Rugi Berganda Dalam Kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor Berbayar sekiranya mengalami (i) lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah; atau (ii) hilang kegunaan kekal dua (2) atau lebih anggota tangan atau kaki akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor, sama ada sebagai pejalan kaki, penumpang, pembonceng, atau pemandu/penunggang.	Ada				
Bonus Pembaharuan Sebagai tambahan kepada Jumlah Yang Diinsuranskan dan hanya terpakai bagi faedah (i) Hilang Upaya Kekal; dan (ii) Tanggung Rugi Berganda Dalam Kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor.	Sehingga 100% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan				
*Perlindungan Peranti Pintar (sehingga) Tertakluk kepada laporan polis dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian.	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
*Perlindungan Pembelian Atas Talian (sehingga) Pampasan bagi (i) kerugian barangan yang dibeli dari laman web/aplikasi palsu, atau (ii) pembelian barangan yang tidak dihantar, hilang atau tidak diterima oleh Orang Yang Diinsuranskan.	300	500	800	1,000	1,500
Indemniti Kad Kredit dan Pinjaman (sehingga) Membayar balik amaun yang perlu dibayar untuk kad kredit dan pinjaman dari institusi kewangan pada tarikh kerugian/kemalangan, dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital lebih daripada sepuluh (10) hari berturut-turut akibat Kemalangan.	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
*Kehilangan Peralatan Sukan (sehingga) Tertakluk kepada laporan polis dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian.	500	1,000	1,500	2,000	2,500

(ii) JADUAL FAEDAH & PREMIUM

Faedah	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
Terlepas Acara (sehingga) Tertakluk kepada pembelian/pembayaran dibuat sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh kejadian.	300	350	400	450	500
Penjagaan Kejururawatan (sehingga/maksima. 60 hari) Tertakluk kepada penjagaan kejururawatan hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh keluar hospital dan Orang Yang Diinsuranskan telah berada dalam hospital minima selama tiga (3) hari berturut-turut.	500	1,000	2,000	3,000	4,000
Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup (sehingga/bermula dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh pengesahan Hilang Upaya Kekal)	5,000	10,000	20,000	25,000	30,000
Perbelanjaan Rehabilitasi (sehingga jumlah/rundingan dibuat dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas keluar hospital)	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
Perkhidmatan Pengemasan (sehingga/diperolehi dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh keluar hospital)	300	350	400	450	500
Premium	(RM)				
Allianz Lifestyle Protect ("standalone")	86.60	127.35	168.10	208.90	249.60

Faedah Pilihan	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
Gangguan Pembelajaran (sehingga)					
(a) Kecederaan pada Orang Yang Diinsuranskan (dimasukkan ke hospital selama lebih sepuluh (10) hari berturut-turut)					
(b) Kematian Penaja (akibat kemalangan)	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
(c) *Perbelanjaan Pengangkutan (**sub-had) Sekiranya ahli keluarga terdekat Orang Yang Diinsuranskan di Malaysia perlu dimasukkan ke hospital lebih sepuluh (10) hari berturut-turut atau meninggal dunia akibat Kemalangan.					
Premium	(RM)				
Gangguan Pembelajaran	17.30	34.65	51.95	69.30	86.60

(iii) JADUAL FAEDAH & PREMIUM

Kadar eksklusif bagi pemegang polisi Allianz Shield Plus sedia ada

Premium	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
	(RM)				
Allianz Lifestyle Protect (dengan Allianz Shield Plus)	77.45	116.15	155.90	195.60	235.35

Nota:

- *Faedah ini terhad kepada dua (2) tuntutan sepanjang tempoh insurans.
- **Perbelanjaan Pengangkutan tertakluk kepada sub-had RM1,000, RM2,000, RM3,000, RM4,000 dan RM5,000 untuk Pelan A hingga E.
- (i) Faedah Pilihan hanya terpakai untuk Orang Yang Diinsuranskan yang merupakan pelajar sepenuh masa berdaftar di institusi pendidikan dan tidak terpakai sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah menamatkan pengajiannya pada bila-bila masa semasa tempoh insurans.
(ii) Butiran seorang (1) penaja yang dinamakan mestilah, yang berumur antara lapan belas (18) tahun dan tujuh puluh (70) tahun semasa permohonan insurans dan/atau pembaharuan.
- Sekiranya anda memilih Pembaharuan Automatik, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi anda dan bayaran Premium yang perlu dibayar, Polisi anda akan diperbaharui pada setiap ulang tahun apabila tamat tempoh melainkan Polisi ini ditamatkan.
- Premium termasuk Cukai Perkhidmatan 8% dan sila tambah RM10 untuk Duti Setem.
- Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian berikut:

- Peperangan;
- Tidak siuman, perbuatan membunuh diri atau percubaan untuk melakukannya atau kecederaan diri yang disengajakan;
- Semasa menyertai apa-apa sukan profesional;
- Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan AIDS;
- Pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
- Melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan menyalahi undang-undang;
- Sebarang pembelian barangan yang dibuat menerusi mana-mana platform media sosial; dan
- Kehilangan peralatan pakaian dan kasut sukan yang disewa atau dipajak,

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Polisi untuk senarai pengecualian penuh.

SOALAN LAZIM

1. Siapa yang layak?

Warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah di Malaysia dan pasangan/anak mereka yang bermastautin secara sah di Malaysia.

Orang Yang Diinsuranskan mestilah berumur antara enam belas (16) dan enam puluh lima (65) tahun. Ahli keluarga mestilah terdiri daripada satu (1) pasangan sah Orang Yang Diinsuranskan yang berumur antara enam belas (16) tahun dan enam puluh lima (65) tahun dan anak berumur antara enam belas (16) tahun dan dua puluh empat (24) tahun. Umur yang dirujuk dalam Polisi ini adalah umur pada hari lahir terakhir.

2. Siapakah yang boleh saya namakan sebagai Penaja?

Penaja ialah mana-mana individu yang menaja pembelajaran anda dan berumur antara lapan belas (18) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun.

3. Bolehkah saya menaik taraf pelan saya?

Naik taraf pelan hanya dibenarkan semasa pembaharuan dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.

4. Bolehkah saya membeli lebih daripada satu (1) polisi Allianz Lifestyle Protect?

Maksimum dua (2) polisi boleh dibeli oleh setiap individu, satu (1) di bawah nama individu dan satu (1) lagi diambil dengan Syarikat.

5. Adakah permohonan Allianz Lifestyle Protect saya akan diterima secara automatik?

Tidak, anda perlu menjawab lima (5) soalan pengunderaitan mudah dengan jujur dan permohonan anda tertakluk kepada kelulusan pengunderaitan.

6. Bolehkah saya memindahkan Bonus Pembaharuan daripada polisi Kemalangan Diri kepada polisi Allianz Lifestyle Protect?

Pemindahan Bonus Pembaharuan akan diberikan dengan syarat tempoh insurans polisi terdahulu tersebut adalah berterusan dan belum luput. Bagi melayakkan pemindahan tersebut, anda mesti mengemukakan jadual polisi terdahulu kepada ejen perkhidmatan atau pejabat cawangan sebagai bukti kelayakan untuk bonus pembaharuan.

Risalah ini sah mulai 1 Mac 2024.

Risalah ini bukan Kontrak Insurans. Keterangan perlindungan yang ada hanyalah ringkasan fakta untuk rujukan pantas dan mudah. Keterangan terperinci faedah, terma, syarat dan pengecualian dinyatakan dalam Polisi.

(Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)

(Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Pusat Perkhidmatan Pelanggan Allianz

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral


50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542

E-mel: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my



Dikemaskini pada 06/24